

Biodata Usahawanita 4 : Puan Sarifah Binti Suboh

“SARIFAH TRADER”

Industri Peruncitan

Perkembangan industri peruncitan di negara ini adalah sangat positif disebabkan faktor peningkatan prestasi ekonomi negara yang meyakinkan dan sekali gus membawa erti bahawa kuasa beli pengguna tempatan adalah sangat kuat untuk menampung kehadiran syarikat peruncitan di seluruh pelosok negara. Selain itu, faktor pertumbuhan kependudukan Malaysia yang relatif tinggi turut mendukung kerancakan aliran tunai dalam pasaran ekonomi domestik. Industri peruncitan dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang utama kepada pendapatan negara. Statistik bagi industri peruncitan dan pemborongan diletakkan sebagai subsektor di bawah segmen sektor perdagangan dan pengedaran yang melibatkan aktiviti perniagaan pengedaran, borong, runcit serta eksport dan import. Industri ini adalah antara sektor yang mempunyai peranan yang semakin penting kepada pertumbuhan ekonomi negara, selain menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas dan menggiatkan pembangunan keusahawanan.

BIODATA USAHAWAN

Puan Saripah Binti Suboh atau lebih dikenali dikalangan pelanggannya dengan nama Che Pah merupakan seprang pengusaha kedai runcit di Taman Bunga Tanjung, Kampung Tanjung Batu, Jalan Nenasi-Pekan, Pahang. Beliau dilahirkan pada 18 April 1966 di Simpang Renggam, Johor. Memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Simpang Renggam dan menyambung persekolahan di peringkat menengah di Kota Tinggi, Johor. Ibunya seorang suri rumah manakala ayah beliau merupakan seorang pengusaha ladang sawit. Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana, beliau mula berkecimpung dalam bidang perniagaan sejak di bangku sekolah lagi. Untuk menambah pendapatan keluarga, Che Pah dan ibunya megusahakan perniagaan kuih-muih dan goreng pisang di hadapan rumah mereka manakala ayahnya membuka kedai runcit secara kecil-kecilan di rumah.

Beliau mendirikan rumahtangga dengan Encik Abdul Raof Bin Husain yang merupakan seorang pemandu lori minyak pada sekitar tahun 80-an dan dikurniakan 4 orang cahaya mata yang kesemuanya lelaki. Puan Saripah dan suami seterusnya berhijrah ke daerah Pekan, Pahang setelah suaminya ditugaskan sebagai pemandu lori Syarikat Shell di Kuantan, Pahang. Sebagai suri rumah sepenuh masa pada waktu itu, Che Pah merasakan kehidupannya agak mencabar kerana perlu bergantung kewangan dengan pendapatan suami semata-mata. Oleh itu, beliau nekad untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga dengan membuka perniagaan sendiri.

Transformasi Kejayaan Usahawan

Bermodalkan RM 15000 hasil simpanannya, Che Pah memulakan bisnis kedai runcit yang dibuka di rumah barunya. Beliau membuat pengubahsuaian di halaman rumah serta menggunakan sepenuhnya kawasan lebih yang ada untuk membina sebuah kedai runcit dengan mendapatkan lesen premis tambahan daripada Majlis Daerah Pekan. Oleh kerana terdapat beberapa buah kedai lain di kawasan sekitar, permulaan perniagaannya agak mencabar. Namun Che Pah yakin, berkat usaha dan keyakinan bahawa rezeki itu datangnya daripada Allah, Che Pah meneruskan perniagaan dengan strategi meletakkan harga yang lebih baik dan memperbanyakkan stok barangan di kedainya.



Berpengalaman dalam bidang peruncitan sejak remaja, persaingan bukan masalah besar bagi Che Pah untuk maju

Selain mengusahakan kedai runcit di rumah, Puan Saripah juga mengusahakan sebuah ladang sawit dengan rakan kongsinya di Kuantan, Pahang. Kekuatan yang dimiliki oleh beliau adalah semua modal perniagaannya adalah hasil daripada simpanannya sendiri, dan beliau tidak menggunakan pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan. Menurut Puan Saripah:

Transformasi Kejayaan Usahawan

“Usahawan yang mampu berdiri atas kaki sendiri tanpa bantuan orang lain adalah lebih cekal, berani dan mampu menempuh cabaran dunia perniagaan”

“Saya seorang yang jimat, makan sekadar mampu dan tidak suka berhutang. Hutang hanya akan menambah beban. Oleh itu, sebagai peniaga, kita kena berusaha lebih menyimpan wang untuk menambah modal.”

“Kita perlu kembangkan bisnes, bukan hanya bergantung kepada satu cabang sahaja. Orang yang rajin membina dan kembangkan bisnes, Insyaallah.. Allah akan bantu. Asal sahaja kita mesti menjaga hak Allah, Allah berikan kita rezeki lebih, Insyaallah”

Demikian kata-kata semangat yang diberikan kepada usahawan lain yang ingin memulakan perniagaan. Sekiranya seseorang usahawan kecil sepertinya ingin berjaya, janganlah terlalu bergantung harap dengan bantuan orang lain.

Oleh kerana menjalankan beberapa bidang perniagaan yang berbeza, Che Pah mengamanahkan urusan untuk menjalankan operasi kedainya kepada anak sulung dan menantunya, Puan Nur Hazlinda. Beliau hanya memantau kewangan syarikat dan bertindak sebagai Pengurus Kewangan. Puan Hazlinda adalah individu yang bertanggungjawab menjalankan operasi harian kedai mereka. Walaupun perniagaan ini adalah bisnes keluarga, Puan Saripah membayar gaji kepada anak dan menantunya sama seperti membayar gaji pekerja. Baginya, keluarga adalah institusi yang berbeza, namun pekerjaan adalah satu bidang kerjaya.



Transformasi Kejayaan Usahawan

Puan Hazlinda, menantu Che Pah berkelulusan Ijazah Pengurusan Perniagaan daripada UITM Shah Alam. Beliau adalah tulang belakang perniagaan ibu mertuanya.

Walaupun berpendidikan Tinggi, Puan Hazlinda tidak kekok memilih kerjaya sendiri untuk memajukan perniagaan keluarga suaminya. Pernah berkhidmat sebagai seorang guru, beliau nekad berhenti kerja untuk menjaga mertuanya dan membantu Che Pah menjalankan perniagaan. Kepercayaan yang diberikan oleh ibu mertuanya digunakan sebaik mungkin untuk meningkatkan prestasi perniagaan keluarga mereka. Sehingga kini, perniagaan yang diusahakan walau hanya secara kecil-kecilan oleh Puan Saripah mampu menjana pendapatan sehingga RM 20 000 sebulan.



Puan Hazlinda gembira menjalankan perniagaan bersama mertuanya

STRATEGI KEJAYAAN PERNIAGAAN

Bagi seorang usahawan yang menceburi industri peruncitan, faktor pembekal memainkan peranan penting dalam perletakan strategi harga barang. Sekiranya pembekal meletakkan harga yang tinggi, perolehan untung akan menurun. Oleh itu, Che Pah akan membuat perbandingan harga daripada pembekal terlebih dahulu sebelum membuat pilihan pembekal. Ini penting untuk

memastikan beliau memperoleh margin untung yang baik dan tidak perlu meletakkan harga yang terlalu tinggi terhadap produk yang dijual.

Selain itu, terdapat beberapa ciri penting yang digariskan oleh Puan Saripah kepada usahawan untuk berjaya. Antaranya:

i-Yakin rezeki daripada Allah

“Sebagai muslim, usahawan harus yakin bahawa rezeki itu datang daripada Allah. Oleh itu, kita perlu menjaga hak Allah terlebih dahulu.” Ujar Che Pah. Mengutamakan solat di awal waktu, melakukan amalan sunat Isra’ dan Dhuha setiap pagi adalah kunci kejayaan. “Jangan membuka kedai pada waktu orang solat Jumaat, ini kerana kita perlu menghormati ibadah, dan mengikut Sunnah nabi Muhammad,” pesannya. Mulakanlah perniagaan sebelum matahari terbit (awal pagi), dan tutuplah perniagaan selepas matahari terbenam (lewat malam). Che Pah memulakan operasi perniagaannya seawal 6.30 pagi sehingga jam 10.00 malam setiap hari.

ii-Kawalan harga

Harga yang diletakkan pada setiap produk adalah berbeza bergantung kepada peratusan margin keuntungan. Menurut beliau, strategi kawalan harga memainkan peranan penting untuk memastikan harga produk tidak terlalu rendah sehingga menjejaskan margin untung dan tidak terlalu tinggi.

iii-Ketekunan

Berusahlah dengan tekun dan bersungguh-sungguh. “Kita kena usaha, tawakkal dan doa” ujarnya lagi. Jangan kecewa jika memperoleh keuntungan yang sedikit, tetapi teruskan berfikir untuk idea baru yang boleh menjana lebih

ii-Disiplin diri

Che Pah seorang yang sangat berdisiplin, menurutnya usahawan perlu berdisiplin dalam menjalankan perniagaan. Bangun seawal pagi adalah rutin yang dimestikan disamping konsisten dalam menjalankan perniagaan. Ada pengusaha yang membuka kedai tidak tetap waktu, ini akan menjejaskan keyakinan pelanggan.

iii-Bersikap ramah dan mesra

“Kita tak boleh sombong, setiap pelanggan adalah rezeki tak kiralah dia membeli banyak atau sedikit”. katanya. Menurut Che Pah, usahawan haruslah bersikap ramah dan mesra. Sikap sombong hanya akan menjejaskan pelanggan. Pelanggan yang suka dengan karektor seseorang usahawan akan berasa gembira untuk datang lagi ke premis berkenaan. Ini akan menggalakkan pembelian ulangan dan penambahan bilangan pelanggan baru.

Nasihat Che Pah kepada usahawan baru yang berminat menceburi bidang peruncitan “**Jangan terlalu memikirkan untung sehingga menindas pengguna. Bersederhana dalam berniaga dan pastikan memilih pembekal yang tepat.**”

INSPIRASI DALAM PERNIAGAAN

Sebagai seorang ibu, anak-anak adalah sumber inspirasi utama bagi Puan Saripah. Selain itu, melihat kepada kejayaan bangsa lain seperti kaum Cina yang sememangnya terkenal dalam bidang runcit, beliau meletakkan keramahan yang ditunjukkan oleh pengusaha kedai berbangsa Cina adalah faktor kemajuan bisnes mereka dan harus dicontohi oleh bangsa lain. Bukan bangsa menjadi ukuran, tetapi usaha dan sikap seseorang yang menentukan kejayaan dalam perniagaan. Puan Saripah menyimpan hasrat untuk mengumpul wang sendiri bagi membeli sebuah premis di bandar Pekan bagi memperkembangkan perniagaannya daripada sebuah kedai runcit kepada sebuah pasaraya.

STRATEGI KEJAYAAN USAHAWAN

Berusaha bangun apabila terjatuh

Menurut Che Pah, orang yang positif tidak gemar sikap suka berputus asa. Orang positif memandang sesuatu kegagalan pada sudut positif. Ianya memandang kegagalan sebagai guru terbaik dalam mencapai kejayaan. Usahawan yang positif walau betapa teruk pun mereka jatuh, akan terus berusaha bangun semula dan berusaha mengukir kejayaan yang lebih besar daripada sebelum mereka mengalami kejatuhan.

Lebih bertenaga/bersemangat

Che Pah seorang yang sangat aktif dan bersemangat. Menurut beliau, usahawan harus lebih bersemangat dan bertenaga berbanding orang lain. Perlu lebih cergas untuk membolehkan usahawan menanggung beban yang lebih besar dan tekanan yang akan dihadapi.

Berdikari

Menurut Che Pah, usahawan harus tahu cara untuk berdikari dan menyelesaikan sesuatu tugas mengikut cara sendiri. Keputusan yang penting memerlukan pertimbangan akal dan fikiran yang fokus kepada kejayaan.

Fleksibel

Sebagai pemilik perniagaan, Che Pah tidak terlalu tegas dengan pendapatnya. Menurut beliau, usahawan perlu bersikap fleksibel berdasarkan situasi dan berkebolehan untuk menukar cara tersendiri mengikut kehendak pelanggan dan suasana perniagaan.

KEKANGAN DALAM PERNIAGAAN

Dunia perniagaan mempunyai persaingannya yang tersendiri. Seperti usahawan lain dalam bidang yang sama, Che Pah sedar bahawa persaingan adalah risiko yang harus dihadapinya. Oleh itu, beliau lebih berhati-hati meletakkan harga barang agar lebih rendah daripada pesaing atau sama. Ini penting untuk memastikan pengguna tidak merungut berkenaan harga yang tinggi.

Di awal perniagaannya, beliau juga pernah menerima rungutan daripada pesaing kerana membuka perniagaan yang sama jenis di tempat yang sama. Namun, beliau tidak mengendahkan komen negatif, sebaliknya berusaha menarik pelanggan baru. Beliau juga pernah mengalami jatuh bangun dalam perniagaan terutamanya apabila pembekal secara tiba-tiba menaikkan harga barang. Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan keuntungan perniagaannya.

Demikian juga halnya dengan pusingan modal. Oleh kerana beliau tidak suka membuat pinjaman, beliau menanggung sendiri risiko kewangan syarikat. Beliau menambah bilangan stok barangan dengan hasil keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan. Masalah pusingan modal, harga barang di pasaran yang tidak menentu, kenaikan harga barang dan kos operasi yang kian meningkat adalah kekangan yang perlu di atasi dengan bijak agar strategi perletakan harga tidak menyebabkan keuntungan berkurangan. Pengurusan kewangan haruslah bijak dan cekap agar pembaziran tidak berlaku.

Selain itu, faktor persaingan harga dengan pesaing lain juga sedikit sebanyak mencabar strategi pemasaran yang digunakan. Oleh itu, pengusaha perlu bijak mengatasi masalah ini dengan selalu menjalankan survey di pasaraya berdekatan untuk membuat perbandingan harga.

**Alamat premis:
Saripah Trader “Kedai Runcit”,
No. 54, Taman Bunga Tanjung, Kampung Tanjung Batu,
Jalan Nenasi-Pekan, Pahang.**